



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

3 FEBRUARI 2021

1. "Usah ragu jika ada Sijil Pengesahan Halal Malaysia"
2. Semak pengimport daging halal guna SmartHalal

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Isu kartel daging import

‘Usah ragu jika ada Sijil Pengesahan Halal Malaysia’

Senarai penuh 318 pengimport daging berlesen boleh didapati di portal Halal www.halal.gov.my

Kuala Lumpur: Senarai penuh 318 pengimport daging berlesen yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) boleh didapati di portal Halal www.halal.gov.my atau aplikasi SmartHalal.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, menerusi hantaran di laman Facebook semalam berkata, masyarakat Islam tidak perlu ragu dengan pengimport yang mempunyai sijil itu.

“Saya amat prihatin akan kebimbangan umat Islam dalam hal ini. KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna) dan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) selaku agensi bertanggungjawab telah melaksanakan prosedur tepat bagi pengurusan kes kartel daging import ini.

“Sebaiknya proses penguatankuasaan dilaksanakan oleh mereka yang diberi kuasa mengikut lunas perundangan.

“Insya-Allah, semuanya berakhir selepas selesai perbicaraan dan tindakan undang-undang di mahkamah,” katanya.

Pada 1 Disember tahun lalu, negara dikehujung dengan pembongkaran kartel daging sejak beku import yang dipercayai membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Pada 29 Januari, Zulkifli dilaporkan berkata, status halal se suatu produk atau perkhidmatan di pasaran boleh diperoleh dengan cepat dan mudah dengan hanya mengimbas kod QR pada aplikasi telefon pintar SmartHalal ketika melancarkan kod berkenaan secara maya.

Sementara itu, beliau berkata,

rundingan meja bulat anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama pengimport dan pengedar daging dan produk daging pada 11 Januari lalu menghasilkan banyak keputusan memanfaatkan umat Islam di negara ini.

Sebaiknya proses penguatankuasaan dilaksanakan oleh mereka yang diberi kuasa mengikut lunas perundangan.

Insya-Allah, semuanya berakhir selepas selesai perbicaraan dan tindakan undang-undang di mahkamah.

**Zulkifli Mohamad Al-Bakri,
Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Hal Ehwal Agama)**

Antara pemegang SPHM dalam kalangan pengimport daging berlesen yang hadir pada pertemuan itu ialah GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Sushi King Sdn Bhd, Kyros Kebab Sdn Bhd, Melawati Kebab Sdn Bhd, Nusantara Meat Berhad, Ramly Food Processing Sdn Bhd, Al-Hilal Food Processing Sdn Bhd, Macfood Services (M) Sdn Bhd dan Selamat Supplies Sdn Bhd.

Bagaimanapun, beliau tidak memperincikan hasil rundingan itu yang turut membabitkan KPDNHEP, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Perkhidmatan Kuaran tin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

Beliau turut memuat naik aliran proses import daging ke Malaysia yang merangkumi empat langkah iaitu secara bersama, permit import, kawalan pintu masuk negara oleh dua agensi penguatankuasaan dan pasaran dengan setiap langkah menjadi tanggungjawab jabatan berkaitan.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
03.02.2021	HARIAN METRO	LOKAL	17

Kuala Lumpur: Senarai pernah 318 pengimport daging berlesen yang mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) boleh didapati di portal Halal www.halal.gov.my atau aplikasi SmartHalal, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Dalam satu hantaran di laman Facebook semalam, beliau berkata, masyarakat

Semak pengimport daging halal guna SmartHalal

Islam tidak perlu ragu dengan pengimport yang mempunyai sijil itu.

"Saya amat prihatin akan kebimbangan umat Islam dalam hal ini. KPDNHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) selaku agensi berautoriti su-

dah melaksanakan proses yang tepat bagi pengurusan kes kartel daging import ini.

"Adalah sebaiknya proses penguatkuasaan dilaksanakan oleh mereka yang diberi kuasa mengikut lumas pe-

ngan. Insya-Allah, selepas selesai perbicaraan dan tinjakan undang-undang di mahkamah, semuanya akan selesai," katanya.

Pada 1 Disember lalu, negara dikekutkan dengan pem-bongkaran kartel daging se-

juruk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan. Zulkifli pada 29 Januari dilapor berkata, status halal sesuatu produk atau perkhidmatan di pasaran boleh diperoleh dengan cepat dan mudah dengan hanya mengimbas QR Code pada

Semak status halal sesuatu produk atau perkhidmatan dengan imbas QR Code

aplikasi telefon pintar SmartHalal ketika melanckarkan kod berkenaan secara maya.

Sementara itu, beliau memberitahu, rundingan meja bolat anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama pengimpor dan pengedar daging dan produk daging pada 11 Januari menghasilkan banyak keputusan yang bermanfaat untuk umat Islam di Malaysia.